

18/05/2003

Syarikat swasta disaran anjur hari keluarga

BAGAN SERAI: Semua syarikat swasta disaran mengambil inisiatif menganjurkan hari keluarga serta pelbagai kursus berkaitan kekeluargaan bagi meningkatkan produktiviti organisasi dan negara.

Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil, berkata usaha itu penting kerana produktiviti syarikat hanya akan meningkat jika mempunyai pekerja cemerlang.

"Kerajaan melalui Kementerian Kewangan yang diumumkan Menteri Kewangan yang juga Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam bajet lalu

mengumumkan mulai tahun ini insentif penolakan cukai pendapatan akan diberi ke atas sesebuah syarikat yang menganjurkan Hari Keluarga dan juga

kursus kekeluargaan.

"Pada masa ini hanya badan politik, badan kebajikan dan pertubuhan bukan

kerajaan (NGO) saja banyak mengadakan Hari Keluarga, sedangkan pembabitan

syarikat swasta masih kurang," katanya selepas merasmikan penutupan Hari Keluarga Umno dan Barisan Nasional di Sekolah Menengah Abu Bakar Al-Baqir

di sini, semalam.